

02 AUG 1997

Mahathir-PPP

MAHATHIR KESAL DENGAN PEREBUTAN KUASA DALAM PPP

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa kecewa dengan perebutan kuasa dalam Parti Progresif Penduduk (PPP) dan berkata Barisan Nasional tidak dapat berbuat apa-apa untuk membantu parti komponennya itu.

"Masalah itu begitu serius sehingga kami tidak dapat berbuat apa-apa," kata beliau apabila diminta mengulas kes mahkamah yang melibatkan Presiden PPP Datuk M.Kayveas dan anggota parti Datuk N.S.Muthu baru-baru ini.

Semalam, Kayveas dilaporkan sebagai berkata bahawa beliau telah mendapatkan perintah mahkamah untuk menangguhkan perintah mahkamah yang diperolehi oleh Muthu pada 29 Mei yang memutuskan bahawa beliau (Kayveas) bukan anggota PPP dan dengan itu tidak boleh menjadi Presidennya.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN berkata bahawa apa yang berlaku dalam PPP itu menunjukkan bahawa terdapat golongan yang hanya mementingkan kedudukan mereka.

Beliau berkata sungguhpun telah gagal untuk memperolehi jawatan dalam parti, mereka tidak berpuas hati.

Dr Mahathir berkata golongan berkenaan hanya berminat untuk mendapatkan jawatan parti dan tidak peduli sama ada mereka mampu memikul tanggungjawab atau tidak.

"Sama ada mereka boleh memberikan sumbangan atau tidak adalah tidak penting. Sama ada perbuatan mereka itu menghancurkan parti juga tidak penting," kata beliau.

Dr Mahathir juga diminta mengulas mengenai cadangan untuk mewujudkan satu parti tunggal BN untuk semua kaum bagi menggantikan sistem berbilang parti yang ada sekarang.

Perdana Menteri berkata ia boleh dilakukan apabila semua pihak bersedia untuk melupakan soal perkauman.

"Selagi masih wujud perasaan bahawa anda adalah dari kaum yang berbeza, jika kita mempunyai satu parti tunggal, maka kaum minoriti akan sentiasa diketepikan kerana keputusan dibuat oleh kaum majoriti," kata beliau.

Bagaimanapun, dalam sistem campuran berbilang parti seperti BN, persetujuan daripada semua parti mesti diperolehi sebelum sesuatu keputusan diambil, kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

ES MZ MAI